

# 'Jangan ingat boleh lepas'

DBKL akan tetap buru 16,634 bekas penyewa PPR, PA miliki hutang tertunggak

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memburu 16,634 bekas penyewa unit projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) yang dikenal pasti masih mempunyai hutang tunggakan sewa.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Ibrahim Yusof, berkata, meskipun sudah tidak menetap di unit-unit terlibat, tidak bermakna individu berkaitan boleh lepas tangan.

Justeru menurutnya, tempoh sebulan diberikan kepada individu terlibat untuk melunaskan bayaran membabitkan jutaan ringgit itu.

"Tempoh sama juga diberikan kepada penyewa sekarang yang mempunyai tunggakan. Sekiranya gagal, mereka ini akan di senarai hitam menyebabkan kesukaran mendapatkan perkhidmatan di mana-mana agensi kerajaan.

"Sekiranya tunggakan tidak dapat dijelaskan sekali gus, bekas penyewa terlibat boleh hadir berbincang kaedah bayaran ansuran di kaunter khas Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Ibrahim berkata, dalam masa sama sejumlah 2,600 perintah mahkamah telah dikeluarkan terhadap penyewa yang dikenal pasti gagal membayar sewa sebelum ini.

INFO

● 16,634 bekas penyewa masih berhutang

● 2,600 perintah mahkamah dikeluarkan

"DBKL perlu ambil tindakan lebih drastik kerana masih banyak senarai menunggu yang layak untuk kita tawarkan unit-unit PPR/PA," katanya.

Sementara itu, amaran sama turut dikeluarkan kepada 8,105 bekas penyewa pusat penjaja dan pasar bangunan DBKL yang gagal menjelaskan bayaran sewa.

"Notis tuntutan tunggakan telah dikeluarkan secara berperingkat mulai Jun 2017. Antara tindakan diambil adalah membatalkan tawaran sewa.

"Mereka juga akan di senarai hitam dan berdepan tindakan undang-undang," katanya.



Bekas penyewa yang masih gagal bayar hutang tertunggak akan tetap diburu DBKL.

